

## Projek percubaan lorong bas di Jalan Ampang mula Isnin

**KUALA LUMPUR** – Rapid Bus Sdn Bhd (Rapid Bus) pengendali perkhidmatan pengangkutan bas Rapid KL dan bas perantara MRT akan mula melaksanakan projek percubaan lorong bas di Jalan Ampang dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bermula Isnin.

Lorong bas tersebut akan bermula dari persimpangan Jalan Rhu sehingga ke persimpangan Jalan Tun Razak dan akan melibatkan 34 buah bas dari dua laluan iaitu laluan 300 (Pandan Indah – Lebu Ampang) dan laluan 303 (Taman Mulia Jaya – Lebu Ampang).

Ketua Pegawai Eksekutif Rapid Bus, Muhammad Yazurin Sallij berkata, projek percubaan itu secara langsung diharapkan akan menjadi pemangkin bagi peralihan mod perjalanan, sekali gus membantu dalam

mengurangkan kesesakan lalu lintas kritikal di Jalan Ampang.

Menurutnya, lorong tersebut akan beroperasi pada waktu puncak iaitu dari jam 6 pagi sehingga jam 9 pagi, Isnin hingga Jumaat dan dijangka akan memberi manfaat kepada komuniti sekitar koridor Jalan Ampang ingin memasuki pusat bandar raya untuk bekerja.

“Dengan adanya lorong bas ini, perkhidmatan bas Rapid KL akan lebih lancar dan boleh menjimatkan masa perjalanan sehingga 20 minit jika dibandingkan dengan menggunakan kenderaan awam.

“Perkhidmatan bas di Jalan Ampang ini, bukan sahaja membawa penumpang ke KLCC, namun menghubungkan para penumpang ke mod pengangkutan awam yang lain untuk ke destinasi akhir,” katanya dalam satu kenyataan.



Projek percubaan lorong bas di Jalan Ampang dengan kerjasama Rapid Bus dan DBKL bermula Isnin.